



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 14 JULAI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MAFI GIAT PROMOSI MAHA 2022, NASIONAL, SH -21 SEKURITI MAKANAN: MASALAH, RISIKO, DAN PENYELESAIAN, FIKRAH, HARAKAH -F1-F3, F7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5.	VETERINARY DEPT PROBES MYSTERIOUS DEATH OF BULLS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 BANGKAI LEMBU DI KAWASAN TERBIAR SEMUA ADA TALI HIDUNG, LOKAL, HM - 23 11 EKOR LEMBU MATI DISELUDUP DARI SIAM, NEGARA, KOSMO -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	JOHOR AGRICULTURE DEPARTMENT PLANS TO INCREASE DURIAN PRODUCTION, NEWS, STAR - 3	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7. 8. 9. 10.	GUBAHAN PROFESOR BONSAI, K2, KOSMO -19 MANIFESTASI CINTA HUTAN AJAR PENDUDUK SENI BONSAI, K2, KOSMO -20 POKOK BONSAI, PODOCARPUS DISIRAM SETIAP HARI BAGI MEMPERCEPAT TUMBESARANNYA, K2, KOSMO -21 SENI BONSAI BOLEH JANA PENDAPATAN AHLI PPK, K2, KOSMO -19	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
11.	18 IKAN 'KAYANGAN' RM7050 DI SUNGAI JELAI, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

# MAFI giat promosi MAHA 2022

Dijadual berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos dengan jangkakan 100,000 pengunjung setiap hari

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN  
PUTRAJAYA

Menjelang penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancangan Malaysia (MAHA) 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus mempergiatkan aktiviti promosi.

Terbaharu, program Street Attack dianjurkan di pekarangan Wisma Tani bagi mempromosikan Larian-MAHA 2022 pada 23 Julai ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, pelbagai aktiviti promosi lain turut diatur di seluruh negara, antaranya Street Attack Zon Sabah dan Sarawak, aktiviti berbasikal dari



Peserta-peserta tidak melepaskan peluang berzumba sempena program promosi Larian MAHA 2022@ MAEPS, Serdang pada Rabu.

Bachok ke Kota Bharu, Kelantan, konvoi menunggang vespa bersama media dari Pontian, Johor ke Plaza Angsana dan iklan Mass Rapid bagi publisiti MAHA.

"Kita tahu MAHA kali ini ditunggu-tunggu selepas empat tahun tiada penganjuran akibat pandemik Covid-19," katanya kepada pemberita selepas program Street Attack di Wisma Tani dekat

sini pada Rabu.

Menurutnya, Kementerian mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan penyebaran jangkitan Covid-19 tidak berlaku.

"Kapasiti lokasi tetap MAHA di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) sebenarnya adalah tiga juga, namun kita hadkan kepada

sejuta pengunjung sepanjang 11 hari penganjurannya," jelasnya.

Beliau berkata, sekiranya perlu Kementerian akan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) khusus sebagai langkah berjaga-jaga.

"Jawatankuasa kerja MAHA yang dipengerusikan oleh saya akan beresyuarat pada Jumaat ini bagi melihat keperluan dan perkembangan penganjuran MAHA," ujarnya.

Badrul berkata, seiring dengan perkembangan semasa, MAHA mengetengahkan kepentingan industri makanan selaras dengan temanya 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan'.

"Kita tidak lari daripada usaha MAFI untuk memberikan jaminan bekalan makanan kepada rakyat Malaysia," tambahnya.

Ujarnya, antara kelainan pada MAHA 2022 adalah penglibatan semua kementerian.

"Semua menteri akan ada di MAHA setiap hari mengikut jadual yang telah ditetapkan," katanya.

MAHA 2022 dijadualkan berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos dengan jangkakan 100,000 pengunjung setiap hari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka merasmikan ekspo tersebut pada 6 Ogos sempena Sambutan Hari Peladang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2022	HARAKAH	FIKRAH	F1



# SEKURITI MAKANAN

## Masalah, Risiko dan Penyelesaian

**I**su berkaitan sekuriti makanan adalah suatu isu yang besar untuk melihat masalah yang dihadapi serta risiko yang rakyat bakal hadapi serta solusi kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan ini.

- Ikuti wawancara bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh di F2, F3 dan F7



Bicara Menteri pada kali ini membincangkan isu berkaitan 'Sekuriti Makanan: Masalah, Risiko dan Penyelesaian' bersama ahli panel, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datu' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Isu berkaitan sekuriti makanan adalah suatu isu yang besar untuk melihat masalah yang dihadapi serta risiko yang rakyat bakal hadapi serta solusi kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan ini. Ikuti wawancara khas ini anjuran Muslimat PAS Wilayah Persekutuan (WP) dengan kerjasama Lajnah Pekerja dan Pengguna Dewan Muslimat PAS WP, Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar Dewan Muslimat PAS WP dan Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar BPPWP yang ditranskrip semula oleh Wartawan Harakah, EVA NATASHA SADALI

# Sekuriti Makanan: Masalah, risiko dan penyelesaian

**SOALAN:** Kita sedar bahawa Malaysia berada pada kedudukan yang ke-39 dalam senarai Indeks Sekuriti Makanan Dunia (GFSI) berbanding daripada 113 negara yang terdapat.

Dengan kedudukan ini, kita lihat naik lima anak tangga berbanding tangga yang ke empat sebelum pada tahun 2019 tapi angka kedudukan ini masih lagi rendah berbanding dengan tahun sebelum ini yang mana kita berada di tangga yang ke-28.

Kita juga melihat fakta-fakta yang meletakkan Malaysia negara yang terbelak di Asia selepas Singapura dalam isu jaminan keselamatan negara, jadi kalau kita lihat angka-angka ini secara zahirnya melihatkan isu keselamatan makanan tidak menjadi masalah besar di Asia.

Tetapi persoalannya, mengapa berlaku isu kenaikan harga barang yang tidak terkawal? Inflasi makanan yang tinggi yang dihadapi rakyat pada hari ini, apakah data-data tersebut masih boleh digunakan atau ada garis panduan yang perlu kita rujuk bagi menentukan jaminan keselamatan makanan kita untuk menghadapi cabaran pada hari ini?

**DATU' DR NIK ZAWAWI:** Angka yang disebutkan tadi menunjukkan bahawa kita naik selangkah demi selangkah memberi erti bahawa kerajaan semasa yang ada pada hari ini memberi tumpuan kepada isu sekuriti makanan yang ada di negara kita.

Ini adalah fakta yang sangat jelas dan apabila membicarakan isu sekuriti makanan tentunya kita ada sasaran kita sendiri, ada masalah yang kita bakal hadapi dan bagaimana jalan penyelesaian yang akan di ambil sebagai pendekatan berstrategik di dalam negara kita ini.

Untuk melukman kita semua, sebelum ini negara kita mengeluarkan beras SSL lebih kurang 70 peratus, bakinya kita import daripada negara-negara luar. Begitu juga dengan bekalan-bekalan makanan yang lain seperti ayam, daging. Bagaimanapun, kita tetap memerlukan bekalan daripada luar negara iaitu kita import masuk ke dalam negara kita.

Namun, bila kita lihat tangga SSL yang dimiliki oleh kerajaan kita melonjak naik daripada 44 kepada 39 memberi gambaran ada strategi dan pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan secara pantas wujud, kalau tidak angka ini tidak berubah.

Seperkara yang harus kita akui

kelemahan yang ada dalam negara sekian lama, kita tidak memberi fokus yang sungguh-sungguh dalam isu sekuriti makanan di dalam negara kita.

Mungkin kerana situasi yang lebih selesa, kerana sebahagian daripada bekalan makanan ini kalau kita import dari luar negara jadi lebih murah berbanding dari kita usaha sendiri.

Begitu juga dengan input-input pertanian yang digunakan oleh para petani di dalam negara kita, seperti jagung, kalau kita lihat empat tahun yang lepas sebelum daripada Covid-19, harga jagung sekitar RM400 untuk satu tan kalau kita import.

Kalau kita tanam sendiri, kita akan memerlukan kos yang lebih tinggi daripada RM400, begitu juga dengan input kepada baja, input kepada bahan makanan unggas dan bahan makanan daripada binatang-binatang ternakan yang lain, ataupun kita sebut dengan istilah ruminan.

Semua ini memberikan gambaran kepada kita bahawa sekuriti makanan di negara kita ini bergantung kepada makanan-makanan yang diimport daripada negara luar walaupun kadar dia tidaklah besar sebagaimana negara-negara yang lain, macam beras, kita import lebih kurang 30 peratus, tetapi daging agak tinggi, ayam ada kita import dari negara luar tetapi tidaklah besar sangat, namun kita masih bergantung kepada import negara-negara luar.

Bagi saya, saya rasa apa yang disusun atur Allah SWT di dalam negara kita, bila kita berhadapan dengan isu dunia seperti Covid-19 yang melanda dunia menyebabkan ia jadi penyebab kepada bekalan makanan ini melonjak naik kerana bekalan makanan biasa yang diusahakan dalam dunia ini terbantu kerana wabak itu.

Keduanya berlaku peperangan yang tidak dijangka oleh perancangan politik antarabangsa iaitu peperangan di antara Rusia dengan Ukraine, kebetulan kedua-dua buah negara itu pengeluar makanan asasi dunia yang begitu besar.

Apabila peperangan ini berlaku tentunya bekalan makanan ini terbantu di dalam negara pengeluar ini menyebabkan eksport daripada dua negara ini kepada dunia terbantu.

Kesannya yang pertama ialah bekalan makanan tidak mencukupi secara 100 peratus, ada penganalisis mengatakan kekurangan 20 peratus daripada bekalan makanan dunia, 20 peratus ini adalah suatu yang membingungkan dan sangat besar

dan ia akan memberi impak yang sangat negatif kepada negara-negara lain terutamanya negara kelas ketiga ataupun negara-negara yang miskin yang ada pada hari ini.

Jadi faktor-faktor seumpama inilah yang mengakibatkan kenaikan harga barang kerana input bekalan makanan, makanan kepada unggas, makanan kepada ruminan seperti jagung.

Harga jagung import daripada RM400 atau RM500 satu tan melonjak naik sehingga kepada RM1,800 ini adalah angka yang tidak dijangka sesiapa dan kenaikan harga barang ini melonjak di seluruh dunia termasuk negara-negara yang mengeluarkan input kepada bekalan makanan ruminan dan juga unggas seperti Brazil, Ukraine, China dan Russia.

Ada juga negara yang tidak ada bumi yang sesuai untuk pertanian, mereka lagi sangat berat untuk menanggung bebanan ini.

Itu adalah faktor-faktor utama yang menyebabkan harga ayam, daging, kos kehidupan melonjak naik dan ianya adalah perkara yang tidak diduga sesiapa dan ini adalah cabaran yang hebat kepada negara tersebut sekaligus menjadi cabaran terutama sekali kepada golongan asnaf, B40 yang ada di dalam negara kita dan khususnya membekalkan kepada negara dan kerajaan, bukan sahaja kerajaan di Malaysia bahkan seluruh dunia.

Ekoran daripada inilah saya nak sebut hikmahnya, negara kita memberi fokus, kita mengambil suatu tindakan yang pantas di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di dalam negara kita, kita ambil pendekatan dan kita putuskan.

Contohnya, jagung, kita akan jadikan tanaman kedua terbesar selepas daripada padi. Begitu juga kita dapat ada tanaman-tanaman baru seperti kacang kuru yang sangat sesuai dimakan oleh manusia, kita jadikan bahan ini menggantikan import soya yang biasanya kita import daripada luar negara.

Kerajaan memfokuskan kepada perkara ini dan dalam waktu yang sama kita sedar sudah tiba masanya negara kita mengeluarkan makanan asasi negara dan makanan ini dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Pengeluaran di dalam negara ini insya Allah akan diruskan oleh kerajaan sendiri melalui agensi-agensi kerajaan khususnya agensi yang berada di bawah MAFI, sebagai contoh menternak ayam, insyaAllah agensi-agensi kerajaan ini akan menternak ayam

dalam skala yang besar seperti NAFAS, LPSS, Angkasa dan di luar daripada MAFI seperti Felcra dan Felcra.

InsyaAllah tindakan pantas ini akan memberi jaminan yang lebih hebat kepada negara kita untuk kita memastikan sekuriti makanan negara kita ini benar-benar mencukupi untuk kegunaan ataupun keperluan asasi kepada rakyat yang ada di dalam negara kita ini, itu adalah hikmah yang sangat besar.

**SOALAN:** Malaysia adalah salah sebuah negara pengeluar komoditi utama dunia seperti minyak masak tapi walaupun negara kita salah satu pengeluar utama minyak masak, hakikatnya rakyat masih lagi terbelenggu dengan bebanan harga minyak masak, kekurangan minyak masak serta harga yang tinggi di pasaran sehingga mencecah RM40 lebih bagi 5kg.

Jadi isunya di sini, rakyat terpaksa membeli hasil pertanian yang tinggi sedangkan ianya adalah hasil produk negara kita sendiri malah kita turut mengeksport ke luar negara, jadi apa faktor yang menyebabkan minyak masak harga melambung tinggi sedangkan kita negara pengeluar dan pengeksport?

**DATU' DR NIK ZAWAWI:** Malaysia adalah antara negara yang besar selain Indonesia yang mengeluarkan hasil daripada sawit, sama ada minyak sawit, dikeluarkan dalam bentuk bio diesel dan benda-benda yang lain termasuk bahan-bahan makanan ruminan daripada hampas-hampas ataupun lebih-lebih daripada sawit itu sendiri.

Kalau minyak sawit ini murah, maka hasil pun jadi murah, maka peneroka kita yang melenting, dia bekerja kuat tiba-tiba sawit ini murah tapi pengguna-pengguna yang lain seronok-sebab harga sawit rendah.

Mala komoditi ini melonjak naik, hasilnya apabila jual di pasaran tempatan atau di eksport ke luar negara akan jadi harga yang tinggi, maka bergembarlah peneroka-peneroka yang bekerja di ladang sawit kerana dia mendapati hasil yang lumayan.

Tapi dalam waktu yang sama, kita tengok rakyat lain terkenan kerana kadar kenaikan sawit ini melonjak serta mertua, bukan sahaja minyak sawit tetapi buah sawit pun melonjak naik, dulu RM400 hingga RM500 satu tan, sekarang ini mencecah RM1,700 hingga RM1,800 satu tan,

Ini adalah satu isu yang sangat sukar bagi saya untuk kupas sebab daripada sudut kitaran ekonomi di dalam negara kita ini, ia mesti mengikut kadar harga yang diputuskan di peringkat antarabangsa, oleh kerana keperluan minyak sawit kepada negara-negara dalam dunia ini sangat besar.

Sebelum ini, sewaktu harga sawit ini kita nak lonjakan naik, kita buat perdagangan dua hala antara Malaysia dengan China, Malaysia dengan India, maka harga sawit ini melambung naik kerana dunia pada hari ini apabila mereka mengaji kelebihan yang ada di dalam minyak sawit, masyarakat antarabangsa lebih gemar menggunakan minyak sawit berbanding minyak-minyak lain yang dikeluarkan oleh negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat dan sebagainya.

Dulu, Amerika Syarikat buat kempen habis-habisan memburu kkan minyak sawit tetapi tindakan pantas yang diambil oleh pihak kerajaan dan cara kita sendiri kempenkan minyak sawit, minyak sawit mendapat tempat dalam kalangan masyarakat antarabangsa menyebabkan bila permintaan itu tinggi maka harga juga akan melambung tinggi.

Bila melambung tinggi, ada pihak yang gembira, ada pihak yang lak gembira, pihak yang gembira ialah para peneroka, penguasa ladang sawit yang ada dalam negara, mereka seronok kerana bahan komoditi yang dimiliki oleh mereka ini melambung tinggi.

Namun majoriti rakyat yang ada dalam negara kita akan rasa terkenan kerana harga melambung begitu tinggi, kalau kita nak stabilkan benda ini, kita eksport dengan harga yang mahal, kita jual dalam negara dengan harga yang murah.

Maka pada waktu itu kerajaan mesti mengeluarkan peruntukan yang sangat besar untuk ditampung dengan subsidi, kita tidak ada jalan lain untuk kita pastikan harga ini tidak melonjak naik begitu teruk.

Maka kerajaan menanggung subsidi, macam minyak sawit yang dihasilkan satu kg dalam plastik, yang diberi subsidi oleh kerajaan, memang ia murah tapi kalau kita tengok secara rasional, sampai bila kerajaan mampu untuk memberi subsidi yang begitu besar.

Tetapi alhamdulillah negara kita ini masih mampu, negara-negara lain tidak mampu memberi subsidi sebagaimana kerajaan Malaysia memberikan subsidi kepada rakyat, ini isu yang kita perlu tengok.

Kalau kerajaan mengeluarkan subsidi untuk rakyat, maka tentunya kewangan ini akan terjejas di bahagian lain, mungkin di bahagian pembangunan, infrastruktur yang ada dalam negara kita, ia akan terbantu.

Alhamdulillah dalam negara kita ada 'check and balance' yang dibuat oleh pihak kerajaan, kita

&lt;&lt; Dari muka 2

stabilkan harga ini walaupun berlaku kenaikan melonjak harga komoditi sawit ini dengan begitu mengejutkan.

Ini adalah fenomena yang berlaku pada industri sawit negara kita, maknanya bila naik satu benda ini, ada pihak yang seronok dan tak seronok, ini tak boleh nak elak.

Kerajaan bagi biasiswa kepada anak-anak, kerajaan nak sediakan infrastruktur yang baik dalam negara untuk bina pembangunan hebat dalam negara kita, ini semua perlu dan ini semua untuk rakyat jadi kerajaan imbangkan perkara ini.

Saya ucapkan syabas dan tahniah di bawah pimpinan Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri Malaysia, saya bukan jenis orang bodok tapi saya nak beritahu fakta keprihatinan kerajaan pada hari ini tak berlaku sebelum daripada ini, cara pengurusan yang cekap untuk 'check and balance' dalam negara kita ini tidak pernah berlaku sebelum daripada ini.

Kerajaan mengeluarkan peruntukan yang sangat besar untuk subsidi di dalam negara kita juga tidak pernah berlaku sebelum daripada ini, walaupun kita dengar baru-baru ini, ada pihak yang tunjuk perasaan supaya kerajaan kekalkan subsidi.

Zaman Pakatan Harapan (PH) memerintah dulu, habis subsidi-subsidi rakyat untuk perikanan, petani, nelayan, semua ditarik, kemudian ditawarkan kepada rakyat nak bagi RM30 subsidi untuk rakyat. Tetapi bila datang zaman subsidi yang begitu besar, buat demonstrasi supaya kerajaan tambah dan kekal subsidi, saya pening kepala kalau nak ulas nak jawab dengan manusia seumpama ini.

**SOALAN:** Sekiranya kita lihat kepada beberapa dasar kerajaan dan juga pelan tindakan yang telah dirangka pihak kerajaan bagi menangani isu sekuriti makanan, contohnya Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN), Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025, Dasar Agromakanan Negara (DAN 2021-2030), maka kita lihat banyak dasar dan pelan tindakan yang kerajaan lakukan, cuma isunya sejauh mana dasar dan pelan tindakan yang digubal ini dilaksanakan?

**Jawab:** Sejahtera mana pula pembangunan tanah dan infrastruktur yang perlu dijalankan bagi menjayakan dasar dan pelan tindakan?

Apakah ada promosi, bantuan ataupun latihan khusus kepada rakyat Malaysia bagi menyertai dan menarik minat mereka dalam pelan tindakan yang kerajaan atur ini, jadi bagaimana respons dari sudut dasar dan pelan tindakan yang telah digubal selama ini?

**DATO' DR NIK ZAWAWI:** Bagus soalan ini, saya nak dengar soalan-soalan seumpama ini supaya rakyat umumnya di dalam negara kita ini memahami bahawa kerajaan sedang menyusun satu pelan strategi dan sebahagian daripadanya telah dilaksanakan kerajaan ke arah untuk kita memastikan tahap sara diri (SSL) bekalan asasi makanan negara kita mencukupi, bahkan kita meletakkan satu sasaran yang tinggi iaitu negara kita satu hari akan



Bersama Menteri MAFI, Dato' Seri Ronald Klandee meninjau beberapa program pertanian.

menjadi sebuah negara pengeksport bekalan makanan asasi untuk negara-negara dunia.

Kita ada beberapa dasar sebagaimana yang disebut tadi, DSMN yang dilancarkan kerajaan dari 2021 sehingga 2025, itu adalah pelan strategi jangka sederhana, jangka pendek kita ada beberapa pelan antaranya kita menyekat eksport bekalan ayam ke negara luar dalam tempoh yang tidak lama supaya bekalan asas ini mencukupi dulu dalam negara kita, apabila perkara ini selesai, kerajaan akan buka balik dan ayam boleh eksport ke luar negara.

Sama sebagaimana yang dibuat negara India, apabila mereka berdepan ketidakstabilan sekuriti makanan dalam negara mereka, mereka menyekat eksport gandum yang ditanam di negara mereka.

Apabila mereka berhenti eksport, maka bekalan makanan ini akan dilonggokkan di dalam negara mereka tapi apabila cukup saya yakin mereka akan buka balik kerana ia salah satu daripada kekuatan ekonomi yang ada di India iaitu mereka mengeksport barangan buatan India termasuk gandum.

Saya ambil beberapa contoh dasar yang telah kerajaan laksanakan, kita perkenalkan SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), bila kita perkenalkan tahun 2021, kita bukan cakap sahaja tapi kita terus laksanakan.

Saya ucap jutaan terima kasih kepada Menteri MAFI, Dato' Seri Ronald Klandee bersama-sama dengan saya dan Timbalan 1, kita membincangkan dan merancang agar syarikat-syarikat besar milik kerajaan seperti Petronas, Sime Darby, FGV, Tabung Haji, Pusat Zakat dan sebagainya ini mencebutkan diri di dalam bidang penanaman padi di negara kita.

Saya ucapkan tahniah kepada Pejabat Zakat Negeri Kedah kerana mereka ini bersama MAFI membantu rakyat terutamanya kumpulan asnaf dan B40 di dalam negara kita ini untuk menanam padi.

Sebelum ini syarikat-syarikat besar ini ada CSR mereka, mereka beri bantuan kepada rakyat melalui tunai, tunai ini kalau kita bagi RM500 kepada satu keluarga, dua kali dia masuk pasar raya habis.

Bila kita bincang perkara ini, kita minta supaya SCR daripada syarikat-syarikat besar daripada kerajaan ini, mereka bagi perkhidmatan, bantuan yang lebih kekal kepada penanam padi, umpamanya kawasan sawah padi.

Oleh kerana kita menggunakan baja kimia sangat lama, tanah padi ini rosak, kandungan kimianya yang sangat banyak menyebabkan hasil padi ini merosot, ada kawasan dapat 1.5 tan untuk 1 hektar, 1.5 tan tak balik modal.

Apabila kita serahkan tanaman padi ini kepada syarikat-syarikat, maka syarikat tu dengan jentera dia, maka dia ratakan semua sekali tanah kemudian dipulihkan tanah menggunakan kapur dan ubat-ubatan bio dalam negara kita, maka hasil padi yang dikeluarkan oleh syarikat ini bertambah lebih daripada sekali ganda.

Di Pendang, Kedah baru-baru ini saya rasminkan kerjasama antara NAFAS dan Petronas, kita tanam padi secara Smart SBB, Kedah ini adalah sebuah negeri yang sangat elok tanahnya, boleh keluarkan hasil 3.5 tan sehektar secara purata, bila Smart SBB masuk alhamdulillah kita dapat 7.8 tan, maknanya hasil padi kita ini melonjak naik lebih daripada 100 peratus.

Maka kalau sebelum daripada ini padi di Malaysia ini peratusan SSL sebanyak 70 peratus meningkat 100 peratus, maknanya inshaAllah hasil padi dalam negara kita dalam masa yang tidak lama akan mencukupi bagi angka 100 peratus dan saki baki daripada itu kita boleh eksport ke luar negara, ini yang telah kita laksanakan, seperti di Sekinchan, Selangor, Johor, Melaka dan Kelantan pun kita ada buat, walaupun belum secara menyeluruh, tetapi saya harapkan kepada petani-petani memahami hasrat dan sahub hasrat kerajaan.

Saya nak ucapkan tahniah kepada pejabat zakat negeri kedah, mereka tukar daripada bagi zakat kepada asnaf melalui tunai, kepada berikan perkhidmatan SMART SBB kepada para petani asnaf yang berada di negeri tersebut, Syabas! Saya bincang dengan Pengarah Zakat mereka, Dato' Haji Zakaria, jentera dia akan beli, dia akan buat kilang benih dan padi, maknanya dia akan buat padi ini daripada A hingga Z, inshaallah dia akan memperoleh hasil yang lebih lumayan.

Saya harap kepada pejabat zakat negeri lain, tolonglah bantu petani kita dalam penanaman padi kerana padi ini adalah sekuriti makana dalam negara kita, ini adalah makanan asasi di dalam negara kita.

Pemuliharaan tanah dan penanaman hasil kita buat dengan penggunaan teknologi dalam bidang pertanian, sebelum daripada kita buat semuanya secara manual, baik dari segi menabur dan

meracun.

Har ini tidak lagi, kita perkenalkan teknologi dron dalam bidang padi ini, dron ini boleh menabur baja dan meracun segala jenis bentuk racun. Teknologi ini juga, kita boleh kesan tempat mana yang bajanya kurang, automatik la akan tabur di kawasan yang kurang.

Kawasan padi yang ada penyakit dia boleh kesan dan dia alan sembur lebih racun di tempat ini, maka dengan penggunaan teknologi ini ternyata pengusaha-pengusaha padi di dalam negara kita terutama generasi muda menggunakan teknologi ini. Alhamdulillah kita lihat peningkatan hasil yang dianugerah Allah SWT kepada mereka melonjak naik begitu sekali, itu bidang padi.

Kita juga perkenalkan kepada rakyat penanaman jagung, inshaAllah ia akan jadi penanaman kedua selepas daripada padi, inshaAllah jagung ini kita akan proses daripada A hingga Z dan sekarang ini telah kita bertindak.

Kita dah kenalpasti tempat-tempat bersesuaian walaupun sangat baru kita perkenalkan dalam sebulan lepas, ia penting untuk kita jadikan input bekalan makanan kepada manusia dan ruminan dan juga unggas di dalam negara kita.

Tanah di negeri Kelantan telah kita kenalpasti lebih daripada 2,000 ekor, di Rerenggan juga ada tanah yang luas yang terbiar, inshaAllah kita akan bincang untuk kita tanam tanaman jagung dan inshaAllah kerajaan akan membeli jagung ini kemudian kita akan proses untuk dijadikan makanan untuk manusia, ruminan dan unggas.

Dulu tanah-tanah di Kelantan orang tanam tembakau tetapi sekarang dah tak lagi, jadi tanah ini terbiar. Ada yang tanam timun sikit-sikit tapi kita yakin kalau kita perkenalkan jagung yang mana harganya boleh mencecah RM1,800 satu tan, kita rasa inshaAllah ia sangat memberi manfaat kepada para petani kita.

Di samping buah, pokok jagung ini, kita akan jadikan bahan makanan untuk ternakan kita termasuk ruminan dan unggas, ini berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji di dalam negara.

Alhamdulillah kerajaan mengeluarkan peruntukan yang banyak untuk memproses ayam dan tanam jagung seumpamanya ini, kita tengok RM800 kita dilystiharkan untuk rakyat, saya minta rakyat dan syarikat-syarikat swasta bersama dengan kerajaan, mudah-mudahan kita berjaya membentuk kekuatan sekuriti makanan di dalam negara kita.

**SOALAN:** Negara sedang merancang untuk membuka tanah pertanian lebih luas kepada rakyat bagi mengurangkan kebergantungan bekalan makanan import, apa pandangan Dato' sebagai Timbalan Menteri II MAFI dalam mengendalikan isu-isu makanan dan juga pertanian ini?

**Jawab:** Apakah kerajaan mahu membuka tanah pertanian yang lebih luas dan keadaan ini akan mengubah status negara kita kepada negara pertanian ataupun bagaimana corak yang akan dibawa nanti?

Apakah rakyat akan memahami hasrat kerajaan ini? Apakah rakyat akan menyokong tindakan tersebut ataupun

sekiranya rakyat menyokong, bagaimana cara mereka untuk membantu menyokong pertanian ini?

Ini antara usaha yang terbaik untuk kita mengatasi masalah import terutamanya masalah asasi di negara kita.

**DATO' DR NIK ZAWAWI:** Kalau kita meletakkan suatu wawasan yang tinggi untuk negara kita sepatutnya rakyat menyokongnya.

Kita mesti jadikan negara kita sebuah negara yang maju, bila sebuah negara maju ini, ia mempunyai sekuriti makanan yang mencukupi. Ada negara kalau terputus bekalan makanan boleh bertaban sampai tiga bulan, enam bulan, setahun, tiga tahun.

Ini adalah sifat sebuah negara maju, jadi dalam konteks negara maju ini, ia bukan sahaja fokus kepada pertanian tetapi fokus kepada sektor-sektor yang lain, seperti teknologi, boleh mencipta reka seperti peralatan, perenjanaan, kenderaan yang canggih, mesin yang boleh digunakan dalam pertanian. Dalam waktu yang sama fokus kepada pertanian, perikanan, penternakan.

Kalau kita pergi ke negara maju seperti Eropah, kalau kita tanya rakyat dia, apa kerja kamu, kalau dia ini petani, jangan main-main, dia ini jutawan, di negara kita kalau kita dengar tauke, dia ada ladang dan kilang, baru kita panggil jutawan tetapi berbeza dengan negara luar, kalau dia petani atau penternak, dia jutawan.

Saya nak kaitkan soalan tadi, bila kerajaan ambil pendekatan yang tak pernah di ambil sebelum daripada ini iaitu kita fokus kepada sekuriti makanan dalam negara kita menyebabkan kerajaan akan membuka tanah-tanah terbiar, bila sebut tanah terbiar, maka tentunya ia tidak menimbulkan satu polemik yang tegang dengan rakyat sebab tanah ini terbiar.

Kerajaan akan bagi galakan dan bantuan supaya tanah-tanah terbiar ini di usahakan, hari ini kita gunakan yang pertama rakyat, yang kedua kita guna syarikat waima syarikat swasta, kerajaan mengalukan mereka bersama-sama untuk mengusahakan tanah-tanah yang terbiar dalam negara kita, usaha yang kita buat ini dalam bidang yang pelbagai.

Sekarang kita perkenalkan supaya rakyat menanam kelapa supaya kita mengimport kelapa daripada negara luar ini semakin lama semakin sikit sehingga kita tidak lagi mengimport.

Maka jabatan pertanian memberi subsidi anak benih, kelapa ini supaya ditanam merata-rata di negara kita daripada tanah terbiar, lebih baik tanam kelapa kerana dalam negara kita hari ini dan kelapa ini boleh guna kelapa muda atau tua.

Begitu juga tanaman lain kita tengok seperti tanaman sayur, sebelum ini kita terbayang dalam kepala kita, sayur ini mesti cari tanah luas 100 atau 200 ekar untuk kita tanam sayur.

Hari ini tak, kita ada teknologi, kita ada hidroponik, kita ada tanaman yang boleh diusahakan di tanah yang sedikit dan tidak luas untuk kegunaan keluarga dan untuk dijual, kalau kita ada tanah setengah ekar dan tanam hidroponik, boleh datangkan hasil banyak.

Sambung muka 7 &gt;&gt;

<< Dari muka 3

Saya ada tanam sekarang ini di rumah saya, tak besar mana pun, dalam 4x8 kaki, tapi tanam secara menegak, tingginya sama dengan tinggi saya, satu batang itu satu batas, distu ada 50 lubang, maknanya 50 pokok sayur, dan jumlah yang ada lebih daripada 400 pokok.

Kalau 400 pokok kita tanam atas tanah, ia memerlukan suatu kawasan yang agak luas tapi ini tak sempit. Tanaman hidroponik boleh ditanam di pangsa, beranda, bagi orang yang tak ada tanah seperti di kota-kota besar.

Alhamdulillah rakyat sekarang tanam sayur untuk keperluan rumah mereka, ini boleh membantu pengeluaran sayur negara kita, ini dari sudut teknologi itu sendiri. Kalau sebelum daripada ini kita terpaksa menggunakan tenaga buruh yang agak ramai, kena jirus dan sebagainya.

Hari ini tidak, kita pakai teknologi menjurus dengan menggunakan telefon pintar sahaja, bila kita tengok isyarat air mencukupi, dia tutup secara automatik, tengok teknologi yang ada diperkenalkan kerajaan kepada rakyat.

Saya menyeru kepada rakyat untuk ikuti perkembangan kita, jangan menamai secara manual kerana ia menyusahkan kita.

Selain itu, permintaan emas kita eksport dan permintaan dunia sangat tinggi, maka kita perkenalkan tanaman nenas ini kepada masyarakat dalam negara kita dan alhamdulillah mendapat sambutan yg begitu tinggi.

Saya tidak kata polisi yang ditetapkan kerajaan ini menyebabkan kita berpaling kepada pertanian, kita tinggalkan sektor lain, itu bukan sifat negara maju, kita fokus semua, bidang pertanian kita tambahkan teknologi dan peruntukan.

Kerajaan mesti fokus kepada semua bidang dan itulah yang dilakukan kerajaan pada hari ini cuma bidang penternakan, perikanan dan, pertanian alhamdulillah kita susuli dengan teknologi-teknologi yang canggih.

Baru-baru ini sektor perikanan, saya pergi di Ibu pejabat perikanan di Kuala Lumpur, alhamdulillah, dia ada skrin besar untuk kenal pasti berapa biji bot keluar tangkap ikan.

Bot zon A, kalau dia masuk bot zon B terus dikesan dan kita bagi amaran supaya dia masuk balik ke kawasan dia, begitu juga dengan bot B kalau dia masuk ke kawasan zon A, C atau D, dia akan diberi amaran untuk masuk ke zon dia semula.

Maka oleh sebab itu, saya nak sebut alhamdulillah di bidang pertanian ini kerajaan memperkenalkan kepada rakyat teknologi-teknologi yang canggih dan penggunaan teknologi ini sememangnya ekonomik daripada kita menggunakan tenaga manusia.

Jadi sebab itu, kita sangat menggalakkan rakyat kita supaya mereka menggunakan teknologi yang ada ini dalam bidang pertanian kerana ia lebih ekonomik dan hasilnya juga meningkat lebih lumayan.

**SOALAN: Generasi muda pada hari ini tidak berminat dengan bidang pertanian sebab mereka menganggap bidang tersebut tidak profesional, tidak nampak jadi menyebabkan kurangnya tenaga kerja dalam kalangan anak muda dan akhirnya hanya dipelopori generasi lama sahaja,**

maka bagaimana dengan keadaan kita.

**Apa tindakan Kementerian bagi mengatasi isu ini?**

**DATO' DR NIK ZAWAWI:**

Berkenaan dengan generasi muda dengan pertanian, saya lihat secara jujur generasi muda lima tahun yang lepas, mereka memang nampak tidak minat dengan pertanian kerana mereka menganggap pertanian ini kotor, lelihan dan tidak glamor, maka sukar bagi golongan ini nak ceburkan diri dalam bidang ini.

Hari ini alhamdulillah apabila kita perkenalkan pertanian moden, dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, kalau kita tengok statistik, dia meningkat, dan saya ucap syabas kepada generasi muda yang menceburkan diri dalam bidang pertanian, mereka memperolehi kejayaan yang begitu besar.

Banyak tempat yang saya buat lawatan ada pengusaha tanaman lada secara fertigasi yang dikenadilkan oleh orang muda, LPT mengisytiharkan mereka ini adalah jutawan lada.

Alhamdulillah kawan saya ada yang petani, dia boleh pakai kenderaan mewah seperti Mercedes, BMW, Audi, alhamdulillah, orang kerja Petronas pun tak boleh pakai sampai tahap ini, orang yang kerja tanam nenas secara besar-besaran, alhamdulillah dia jutawan.

Ada orang yang usahakan daging, eksport import daripada luar negara, dia beli lembu hidup daripada luar negara, balik dia gemukkan sekejap kemudian dia sembelih, dia jual daging jenis daging wagyu, alhamdulillah dia juga menjadi jutawan. Semua orang yang saya sebutkan tadi adalah generasi muda.

Sebab itu saya nak mengajak kepada generasi muda supaya cebur diri dalam bidang pertanian, alhamdulillah kalau kita tengok hari ini umpamanya ada syarikat penggunaan dron, alhamdulillah orang muda semua, saya tak jumpa lagi generasi lama yang ada dalam bidang ini, biasanya penggunaan dron ini umur 40 tahun ke bawah.

Ada rakan umur saya 20 tahun di Kota Bharu yang saya anggap seperti adik, dia buat bisnes dron, ambil upah orang nak baja padi, jadi lebih jimat daripada tenaga manusia.

Jadi bila kita perkenalkan sistem teknologi di bidang pertanian, temakan, perikanan, kita lihat generasi muda menceburkan diri begitu hebat dalam bidang pertanian dan syabas mereka ini berjaya.

Kena faham bahwa sektor pertanian ini waktu Covid-19, yang lain semua kerajaan tutup tapi pertanian boleh buka dan wabak ini tidak merebak kepada pertanian, ia boleh di usahakan dan alhamdulillah tambahan pula bidang pertanian kita pada hari ini melahirkan usahawan berjaya yang menjadi model di tengah-tengah masyarakat.

Cuba kita bayangkan orang buat sawah padi agak luas, dia boleh tengok sawah padi dia ini naik kereta agak mewah seperti Toyota Camry, Honda Accord, ini saya bagi tahu sebab saya tengok dengan mata kepala saya sendiri.

Hari ini kita nak bela ayam,, kerajaan mengeluarkan peruntukan RM800 juta dan ia akan diagih kepada agensi-agensi kerajaan seperti NAFAS, LPP. Mereka akan cari pengusaha ayam yang usahakan secara kecil-kecilan secara contract farming dalam masyarakat



Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sekuriti Makanan Negara.

kita, akan diberi satu bantuan yang sewajarnya supaya mereka besarkan ladang ayam mereka.

Orang muda ini dia nak kaya, senang, dia nak kerja yang elit yang memberi hasil pulangan yang sangat lumayan jadi hari ini pertanian adalah salah satunya. Ia sudah jadi satu perniagaan yang sangat baik, maka sebab itu saya minta kepada generasi muda supaya menyahut hasrat kerajaan ini kerana generasi muda lebih celap, berkemampuan mengendalikan urusan ini dan lebih memahami situasi teknologi yang ada sekarang ini dan ceburlah dalam bidang pertanian.

Di Kelantan, ada usahawan ayam putih, syabas saya ucapkan kepada rakan saya, usaha ayam putih pun boleh pakai kereta mewah, ini kadang-kadang jadi satu benda dalam negara kita, kalau dia tengok kereta, rumah besar, dia tanya kerja apa, kerja bela ayam.

Jadi semangat kepada orang lain untuk ikut jejak langkah, jadi tengoklah orang berjaya ini, saya mengajak generasi muda supaya ikut jejak langkah pertanian, perikanan dan penternakan yang berjaya dalam negara kita.

Jangan sesekali kita anggap pertanian ini kotor, penat, tidak ada standard dalam negara kita, sebenarnya pertanian tak kotor lagi.

Jutawan lada di Kuala Selangor boleh pakai tali leher, usahawan ayam besar-besaran boleh tali leher, maknanya bila kita tengok kejayaan ini biasanya dia akan dapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat.

Nasihat saya kepada generasi muda supaya cebur diri dalam bidang pertanian kerana peluang pekerjaan hari ini agak sukar. Kita tengok kalau kita buka permohonan kerja kosong di bawah LPP, kekosongan cuma 30 orang sahaja tapi yang mohon ini mencecah 1,000 orang, begitu juga sektor-sektor yang lain, kita nak 40 hingga 50 orang sahaja, tetapi 2,000 calon yang mohon.

Maknanya pekerjaan hari ini ini amat terbatas maka saya galakkan kepada adik-adik, rakan-rakan, generasi muda cebur diri dalam pertanian kerana ia membuka peluang yang luas dalam negara kita.

Tanah banyak dalam negara kita, kalau tak ada tanah sendiri boleh mohon dengan kerajaan negeri untuk LMS, saya minta pihak kerajaan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, supaya beri galakan kepada generasi muda untuk menceburi diri dalam bidang pertanian.

**SOALAN: Pada bulan Mei lepas, Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengesahkan wujudnya kartel yang mengawal harga dan pengeluaran ayam**

dalam kalangan syarikat besar, apakah tindakan Kementerian bagi menangani isu kartel ini?

**DATO' DR NIK ZAWAWI:** Istilah kartel ini sebagaimana yang kita semua maklum iaitu ada usaha daripada individu tertentu untuk mengaut kekayaan dalam jangka masa yang pendek dengan menggunakan cara yang pelbagai, itu adalah kartel.

Apabila Perdana Menteri mengisytiharkan begitu, insyaallah ia akan dilurus tabdir pihak kerajaan sebahagian daripada pengeluarannya maka kerajaan memberi peruntukan melalui NAFAS dan agensi-agensi yang lain untuk diternak ayam ini secara besar-besaran.

Maka apabila ayam ini ditemak oleh agensi kerajaan, insyaAllah mereka ini tidak mainkan harga dan mengaut keuntungan yang melipat kali ganda sebab ia adalah milik kerajaan. Maka dengan usaha yang dibuat ini, kerajaan mengadakan usaha strategik dengan agensi kerajaan ini dengan rakyat ataupun kontrak farming yang ada dalam negara kita, kita akan wujudkan perkara ini.

Bila kita wujudkan perkara ini, isu kartel ini semakin lama semakin kecil dan insyallah kita akan terokai satu bidang demi satu bidang, biar selesai satu bidang itu, bila selesai isu ayam, insyaAllah kita akan pergi kepada daging.

Kita akan jadikan Malaysia ini bumi yang subur dan sesuai untuk pertanian, penternakan, kita gunakan sungguh-sungguh dan mudah-mudahan kita akan berjaya.

**SOALAN: Apa harapan Dato' selaku Timbalan Menteri II MAFI bagi memastikan langkah isu jaminan keselamatan bekalan makanan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi mengatasi masalah yang berlaku pada hari ini?**

**DATO' DR NIK ZAWAWI:** Sebagai rumusan dan harapan daripada saya, tentunya melibatkan tiga pihak, yang pertamanya pihak kerajaan, supaya hala tuju kerajaan untuk bidang pertanian, penternakan, perikanan ini sentiasa di hadapan.

Kerajaan bagi fokus yang betul-betul dalam isu ini supaya dengan fokus kerajaan ini negara kita akan mampu menjana kekuatan ekonomi melalui pertanian moden, penternakan moden dan, perikanan moden. Itu harapan saya kepada kerajaan. Kerajaan perlu mengeluarkan peruntukan yang sewajarnya untuk bidang ini.

Yang kedua ialah harapan saya kepada agensi-agensi kerajaan dan agensi swasta, penglibatan swasta ini sangat mustahak dalam bidang pertanian, sama ada di bidang

kajian.Syarikat swasta yang hendak bertelaga melalui sektor pertanian, tanan nenas, sayur besar-besaran seperti di Cameron Highland dan Kelantan kita alu-alukan.

Syarikat swasta ini boleh memainkan peranan yang sewajarnya untuk mengeluarkan hasil pertanian kepada negara, itu harapan saya yang sangat besar.

Jaminan insyaAllah pihak kerajaan akan membantu semua pihak yang nak mengusahakan bumi Malaysia ini dengan pertanian.

Yang ketiga, rakyat kena sedar mereka mestilah menjadi peminat yang bersemangat untuk melihat negara kita memiliki sekuriti makanan yang mencukupi, ini sangat penting.

Maka rakyat perlu peka kepada teknologi, hasrat kerajaan dan mana-mana rakyat yang mempunyai kemampuan, gunalah kemampuan yang ada ini untuk gerakan pertanian, kadang-kadang rakyat banyak sangat letak harapan subsidi kepada kerajaan, bantuan geran dan sebagainya.

Kerajaan ada beri bantua benda-benda macam ini, tetapi pengalaman saya sebagai orang korporat, minta maaf saya sebut, ramai orang yang dapat bantuan daripada pihak kerajaan ini, mereka tak berjaya wallahuallah sebab apa.

Orang yang usaha daripada A melalui usaha dia sendiri, dia sangat berjaya dan berada di kemuncak, wallahuallah, jadi sebab itu rakyat yang tidak dapat geran daripada kerajaan, jangan sekali-kali rasa hilang semangat tetapi kita berusaha berstungguh-stungguh.

Rakyat kena bersama-sama dengan agensi kerajaan yang ada dalam negara kita, kita ada LPP, NAFAS, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian. Semua jabatan ini perlu kepada sokongan daripada rakyat Malaysia yakni mereka kena berdaftar.

Daftar kepada veterinar jika dia ini penternak sebab kalau berlaku musibah, macam baru ini berlaku banjir, kerajaan tak boleh nak salur bantuan kepada rakyat yang tidak berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan.

Begitu juga dengan yang menanam, susah saya, tak daftar dengan LPP, Jabatan Pertanian, FAMA, susah bagi kerajaan nak tolong. Oleh sebab itu daftar menjadi ahli dalam kalangan rakyat dengan agensi kerajaan ini amat besar kerana kerajaan boleh memberi bantuan-bantuan yang sewajarnya kepada rakyat yang menceburi di dalam bidang pertanian ini.

Harapan saya kepada rakyat, bekerjalah dengan tekun, jalinlah pertanian ini salah satu daripada permiaaan kita dan ingalah pertanian ini adalah kerja yang mulia.

Nabi dan Rasul yang ditulus oleh Allah mereka bertani, menernak ada hikmah yang sangat besar dan petani ini mereka akan dapat pahala yang berlipat ganda daripada Allah SWT. Burung yang makan hasil tanaman dia, dia dapat pahala.

"Mana-mana orang Muslim yang bercucuk (tanam), mengeluarkan buah dan hasilnya dimakan burung dan binatang, dia dapat pahala sedekah dengan Allah SWT"

Apatah lagi manusia yang makan hasil usaha kita, maka kita akan dapat pahala yang besar dengan Allah di samping kita akan dapat hasil pendapatan di dunia, maka saya ajak jom generasi muda kita ceburkan diri dalam bidang pertanian, mudah-mudahan diberkati Allah SWT.

14/7/2022

THE SUN

NEWS

4

WITHOUT BOR-  
DER

## Veterinary Dept probes mysterious death of bulls

**KUALA NERUS:** The Terengganu Veterinary Services Department has taken samples of tissue and stomach content to determine the cause of death of the 11 Brahman bulls near Kampung Sungai Lekar on Tuesday.

Tests on the samples, which were sent to the Eastern Zone Veterinary Laboratory in Kota Baru, will show whether the animals died of disease

or poisoning, department director Dr Anun Man said in a statement yesterday.

The bulls, each estimated to be three years old, had tags in their ears, she said, adding that the department was trying to find out where the animals came from.

"All of the animals had nose rings or straps. Two of them had their hind

legs tied to trees."

Anun said the investigation into the deaths of the animals was being conducted under Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015 pertaining to specific acts of cruelty that are prohibited, including causing or allowing unnecessary pain and suffering.

She urged anyone with

information on the incident to come forward and assist in the investigation by contacting 09-622-1822.

Meanwhile, Kuala Nerus district veterinary services officer Norehan Ali said the carcasses had been buried with the assistance of Kuala Terengganu City Council workers.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2022	HARIAN METRO	LOKAL	23

#### Kuala Nerus

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu (JPVNT) sudah selesai mengambil sampel bagi mengenal pasti punca kematian 11 lembu yang ditemukan di sebuah kawasan terblar di Kampung Sungai Lekar di sini, Sabtu lepas.

Pengarah JPVNT Dr Anun Man berkata untuk tujuan pengesanan racun, pihaknya melakukan persampelan bagi isi kandungan rumen yang dipercayai makanan terakhir ternakan iaitu rumput kering, terhadap tiga daripada 11 lembu tersebut.

"Bagi tujuan pengesanan penyakit pula, lima sampel tulang panjang kaki belakang metatarsal turut diambil. Semua sampel ini dihantar ke Makmal Veterinar Zon Timur di Kota Bharu, Kelantan," katanya.

Semalam, Bernama melaporkan bangkai 11 ekor lembu dalam keadaan berulat, sudah kembung dan dihurungi lalat ditemukan pada Sabtu lalu di kawasan terblar di Kampung Sungai Lekar di sini, dipercayai dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam pada itu, Dr Anun



**Semua ternakan mempunyai tali hidung manakala dua ekor dengan keadaan kaki belakang terikat kepada pokok dipercayai digunakan oleh suspek bagi memindahkan 11 haiwan tersebut dari kenderaan ke tempat kejadian"**

Dr Anun

## BANGKAI LEMBU DI KAWASAN TERBIAR

# Semua ada tali hidung



SERBANYAK 11 ekor lembu ditemui mati dan sudah berulat dipercayai dibuang pihak tidak bertanggungjawab di sebuah kawasan terblar di Kampung Sungai Lekar.

berkata, pihaknya mendapati 11 bangkai lembu tersebut adalah lembu jantan baka Brahman Siam dewasa berumur anggaran tiga tahun.

Beliau berkata, semua haiwan ternakan tersebut didapati mempunyai tag atau tanda pada telinga dan pihaknya sedang menyiasat lokasi asal lembu tersebut berada sebelum dibawa ke

tempat kejadian.

"Semua ternakan ada tali hidung manakala dua ekor dengan keadaan kaki belakang terikat kepada pokok dipercayai digunakan suspek bagi memindahkan 11 haiwan dari kenderaan ke tempat kejadian," katanya.

Sehubungan itu katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan

Haiwan 2015 (Akta 772) bagi kesalahan dengan kejamnya atau secara tidak munasabah membuat atau meningkatkan untuk melakukan apa-apa perbuatan, menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya kepada lembu.

"JPVNT memohon orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadi-

an ini supaya tampil memberi keterangan bagi membantu siasatan di talian 09-6221 822," katanya.

Terdahulu, Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Nerus Norehan Ali berkata operasi pelupusan dengan cara menanam bangkai 11 lembu tersebut selesai dilakukan JPV Kuala Nerus dengan kerjasama Majlis Ban-

daraya Kuala Terengganu.

"Proses pelupusan yang bermula jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi semalam dijalankan bagi mengelak peningkatan risiko penularan penyakit berjangkit dalam kalangan ternakan tempatan," katanya kepada pemberita selepas proses pelupusan bangkai lembu tersebut.







ANGGOTA JPV Terengganu menggunakan jentolak untuk melupuskan 11 bangkai lembu di tapak pelupusan sampah haram di Kampung Sungai Lekar, Kuala Nerus semalam.

Dibuang di tapak pelupusan sampah haram

# 11 ekor lembu mati diseludup dari Siam

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**  
**TENGGU YUSOFF**

**KUALA NERUS** – Siasatan awal Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu percaya 11 bangkai lembu yang dibuang di tapak pelupusan sampah haram di Sungai Lekar di sini sejak Sabtu lalu diseludup masuk dari Thailand.

Pegawai Perkhidmatan Veterinar Kuala Nerus, Norehan Ali berkata, semakan awal juga mendapati kesemua bangkai lembu yang dibuang tersebut tidak memiliki permit untuk dibawa masuk ke negara ini.

"Sebanyak 11 lembu ini dipercayai telah mati sewaktu dalam perjalanan ke negeri ini dari Kelantan. Berdasarkan maklumat, dalang cuba membuangnya di Pusat Pelupusan Sungai Ikan

di sini tetapi tidak memperoleh kebenaran.

"Sehubungan itu, dia bertindak membuang bangkai lembu-lembu itu di tepi sungai berhampiran Kampung Sungai Lekar," katanya ketika melakukan mengetuai siasatan di tapak pembuangan sampah haram berkenaan di sini semalam.

Norehan berkata, JPV Terengganu telah membuka kertas siasatan berhubung kes tersebut mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Jelas beliau, pihaknya sedang giat mengesan pelaku bertanggungjawab bagi dibawa ke muka pengadilan.

"Kami juga telah mengambil sampel organ dalaman lembu-lembu terbabit untuk mengenalpasti punca kematian," katanya.

Dalam pada itu, Norehan berkata, anggota JPV negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) telah melupuskan 11 bangkai lembu terbabit mengikut prosedur sebenar.

Jelas beliau, ia bertujuan bagi mengelak isu berbangkit seperti bau busuk dan ancaman kesihatan kepada penduduk setempat.

*Kosmo!* kelmarin melaporkan kegirangan seorang lelaki untuk mengisil masa lapang dengan memancing terbantut apabila terserempak dengan 11 bangkai lembu di tepi sungai berhampiran Kampung Sungai Lekar pada Sabtu lalu.

Pemancing terbabit percaya lembu tersebut telah mati di kawasan tempat lain sebelum bangkainya dibuang di kawasan pembuangan sampah haram terbabit.

THE Johor Agriculture Department hopes to sell more than RM2.2mil worth of durian this year with 32% of fruits coming from Johor.

Its deputy director for development Mohd Hafiz Ramly said Johor was one of the largest durian producers in the country, with more than 30,000 durian farmers to date.

"As of July, we have 31,255 durian farmers in the state that manage 25,004ha of durian farms.

"This year, we are targeting a total production of 125,000 tonnes of durian with an estimated sale of about RM2.2mil" he said, adding that the final figure would be released by the Agriculture Ministry.

The top durian producers in the state are in Tangkak, Batu Pahat, Muar and Segamat, he said.

Mohd Hafiz added that Segamat, known as the 'King of Fruit District', is the highest producer of high-quality durian.

"It might not be the highest producer in terms of volume, but in terms of quality, durian from Segamat is the best," he said, adding that the season in Johor would be ending soon.

Durian prices, in general, have remained the same and are only differentiated by the way durian stall owners market their product, he said.

"There are places where Musang King is sold for RM20 per kg and RM50 per kg.

"It all depends on the quality, grade and how the sellers are pro-

## Johor Agriculture Department plans to increase durian production



Azizi Azimi says durian production has dropped by 20% this year compared to last year.

moting their product.

"Our locals are also generally more health conscious these days since the Covid-19 pandemic hit and are spending their money wisely," he added.

Mohd Hafiz also said that the department was currently offering agriculture incentive for all types of crops next year.

"We have been allocated RM15mil by the federal and state governments to help farmers, regardless of the type of plants they have.

"The average incentive given is about RM20,000 per hectare of



Mohd Hafiz says durians from Segamat were of top quality.

land," he said, adding that the incentive would be given in the form of planting seeds, clearing up plantations, setting up fences, fertilisers and other agricultural necessities.

Only about 60% of the local farmers are aware of this incentive, and the department is hoping more would apply, said Mohd Hafiz.

"All of the applications will be reviewed in October this year and approved by November.

"Farmers will receive their incentive by February 2023," he said, adding that the incentive was an annual programme.

Those who send their application late will be registered as 2024 recipients.

For this year, the department has received RM15mil that have benefited 1,322 farmers.

Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) deputy director (operations) Azizi Azimi Mat Nayan said Johor exported durian to 20 countries this year.

"Our top export destinations are Thailand, Australia, Brunei, Canada, and the United Kingdom, with 217 tonnes until May this year.

"We have also sent our durians to Spain, France, Macau and Kuwait in the same period," he said, adding that the durian production also dropped 20% this year from last year's figure.

This is probably due to the high cost of inputs, caused by the lack of manpower, fertiliser and pest control that have affected production.

"This might have resulted in smaller durians in the market, but even then, it can still be sold.

"It is normal to see smaller fruits during early and end of the season," he added.

Azizi Azimi also said that the durian season in Johor was different from Penang, Perak and Pahang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2022	KOSMO	K2	19



**K2**  
Menyelami  
Hidup Anda

KHAMIS 14.07.2022

# Gubahan profesor bonsai

MUNGKIN kurang diketahui ramai bahawa bekas Timbalan Naib Canselor Teknologi dan Inovasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Ts. Dr. Mohd. Nazip Suratman mempunyai 'tangan seni' menggubah bonsai di rumahnya di Sijanggang, Selangor sehingga turut mengajarkan seni bonsai kepada penduduk kampung sebagai satu cara untuk golongan itu menjana pendapatan.

Kosmo!

Rencana  
UtamaOleh  
ASDUL RAZAK  
IDRIS

## Manifestasi cinta hutan, ajar penduduk seni bonsai

**K**EHILANGAN beberapa pokok bonsai kesayangan di halaman rumahnya di Kampung Sjangkang, Selangor menyebabkan pensyarah bidang perhutanan Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Ts. Dr. Mohd. Nazip Suratman berasa kecewa hingga nyaris memutuskan untuk tidak mahu lagi aktif mengubah bonsai.

Keunikan bonsai 'air tangan' Mohd. Nazip yang juga merupakan bekas Timbalan Naib Canselor Teknologi dan Inovasi, UiTM sememangnya sudah menjadi buah mulut orang di sekelilingnya hingga ada pihak tidak bertanggungjawab sanggup mencuri bonsainya saat beliau dan keluarga sedang tidur pada dinihari.

Namun, setelah beliau memasang televisyen litar tertutup (CCTV) beberapa bulan lalu kes kecurian bonsai miliknya telah berakhir dan beliau kembali bangkit meneruskan minatnya terhadap seni tanaman hiasan unik itu.

Menurutnya, bonsai yang bermakna tanaman di dalam pasu atau bekas dalam bahasa Jepun, telah menjadi hobinya sejak lebih lima tahun lalu, biarpun beliau adalah pakar dalam bidang perhutanan sejak lebih 30 tahun lalu.

Bidang perhutanan tidaklah memiliki perkaitan secara langsung dengan kemahiran gubahan bonsai, cuma mungkin dek pengajarannya kepada para pelajar berkait penelitian bentuk serta pertumbuhan pokok hutan termasuk batang, dahan, ranting dan daun telah mencetuskan inspirasi untuk dirinya mereka bentuk pokok bonsai.

"Kecurian bonsai kesayangan bernilai ribuan ringgit menyebabkan saya berasa amat sedih hingga saya hampir melupakan hobi tersebut.

"Namun, bak kata pepatah, patah tumbuh hilang berganti, saya kembali mengubah bonsai setelah memasang CCTV di taman mini bonsai di halaman rumah untuk menghalang kecurian berulang," katanya kepada K2 sekali gus menggambarkan betapa dirinya amat menyayangi pokok-pokok bonsainya.

Mohd. Nazip berkata, bonsai yang digubahnya terdiri daripada pokok kertas atau *bougainvillea*, *podocarpus*, pokok cucur atap atau *Baekia frutescens*, *focuous* dan lain-lain.

Katanya lagi, pokok cucur atap yang bernilai empat angka sering menjadi mangsa curi disebabkan nilai estetikanya yang tinggi di pasaran.

"Semasa mula mengubah pokok cucur atap nilainya hanya RM8, namun setelah bertahun-tahun nilainya boleh meningkat berganda-ganda. Oleh itu, saya sanggup berkongsi hobi gubahan ini kepada yang berminat menjadi usahawan bonsai," katanya.

Ditanya apakah kelebihan mengubah bonsai, pakar perhutanan itu berkata, hobi mengubah bonsai di rumah mampu menjadi terapi diri setelah penat bekerja di pejabat



MOHD. NAZIP melakukan kerja-kerja gubahan bonsai di halaman rumahnya di Kampung Sjangkang, Kuala Langat, Selangor.



MOHD. NAZIP (depan) memberi penerangan tentang pemilihan pasu yang sesuai untuk penanaman pokok bonsai.

SALAH satu pokok bonsai kesayangan Mohd. Nazip yang diletakkan di rumahnya.

dan setelah sehari-hari melakukan ekspedisi di Taman Negara.

Menurutnya, Taman Negara adalah hutan perlindungan di mana mengambil atau membawa keluar sebarang bahan tumbuhan tanpa permit dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara adalah dilarang sama sekali.

Sehubungan itu, untuk mendokumentasikan keunikan tumbuhan, penyelidik bidang tumbuhan berganding kepakaran dengan penyelidik bidang fotografi dalam menerbitkan naskah *coffee table book* yang mendokumentasikan keunikan flora Taman Negara dalam bentuk fotografi beserta maklumat saintifik spesies tumbuhan.

Justeru, hobi menggubah bonsai itu dianggap sebagai memori dan manifestasi kecintaannya kepada hutan sebagai bidang ilmu yang dikuasainya.

"Buat masa ini, bagi meneruskan hobi menggubah bonsai, saya membeli bonsai seperti pokok cucur atap di Terengganu untuk dijadikan subjek gubahan pada masa lapang.

"Jika ada pokok bonsai lain yang saya minat, saya akan membelinya di nurseri bunga di Klang, Sungai Buloh atau menerusi Shopee sahaja," katanya.

Mengenai pasaran bonsai hasil kreatifnya, setakat ini ia hanya untuk minat semata-mata dan bukan untuk tujuan komersial. Buat masa ini katanya, beliau menggubah bonsai sebagai hobi dan menghadiahkannya kepada saudara-mara dan teman-teman sahaja.

"Saya melihat bonsai sebagai gubahan unik alam semula jadi yang dikecilkan dengan kreativiti tersendiri.

"Justeru nilai gubahan itu sendiri tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Jika dikutkan ada bonsai berharga di bawah RM100, lebih RM300 dan ada yang mencecah RM1,000 ke atas.

"Kepada yang ingin menjadikan gubahan bonsai sebagai sumber kewangan ia adalah usaha yang berbaloi, namun dapatkan ilmu daripada pihak yang berpengalaman dalam bidang tersebut," katanya.

Kepakaran dan kemahiran seni gubahan bonsai yang dimilikinya turut ditagih kelompok yang berminat untuk mempelajarinya menerusi kursus asas bonsai di rumahnya.



ISTERI dan anak untuk menyokong hobinya menggubah bonsai.



POKOK bonsai, *podocarpus* dsiiram setiap hari bagi mempercepat tumbesaran.

#### INFO

##### Bonsai

- Bonsai ialah seni menggubah pokok miniatur dalam bekas pasu hiasan menyerupai pokok besar melalui penyimpanan spesies pokok tertentu di dalam pasu yang bersaiz kecil
- Bonsai secara literal dalam bahasa Jepun bermaksud tanaman bekas
- Ketinggian bonsai biasanya antara 120 hingga 140 sentimeter dan jika melebihi ukuran ini, ia tidak lagi dianggap pokok bonsai

Buat masa ini, Mohd. Nazip mengajarkan penanaman dan seni gubahan bonsai kepada penduduk kampung di sekitar Kuala Langat yang juga merupakan ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat.

Baginya, seni menggubah bonsai boleh menjana ekonomi keluarga jika dipelajari dengan kaedah sistematik.

"Saya pernah membuka kelas gubahan bonsai melibatkan kerjasama dengan PPK Kuala Langat.

"Seramai 15 peserta mengikuti kursus jangka pendek tersebut yang melibatkan ahli PPK Kuala Langat," katanya. Katanya, kursus jangka pendek tersebut dilengkapi panduan berguna untuk peserta memilih pokok bonsai yang sesuai untuk digubah bagi tujuan komersial. Peserta turut diajar memilih pasu dan menggubah bonsai yang mampu menjadikan nilainya tinggi di pasaran.

"Sesuatu pokok bonsai akan menjadi lebih mahal jika gubahan bonsai tersebut mirip kepada pokok yang asal iaitu yang bersaiz sebenar.

"Untuk mendapat skil tersebut seseorang peserta perlu memahami kaedah bagaimana dahan pokok bonsai diikat dengan dawai tanpa merosakkannya secara fizikal," tuturnya.



MOHD. NAZIP (depan kanan) bergambar dengan peserta kursus Seni Tanaman Bonsai yang diadakan di rumahnya di Kampung Sijangkang baru-baru ini.



ABDUL RAZAK

## Seni bonsai boleh jana pendapatan ahli PPK

PERTUBUHAN Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat sentiasa proaktif meneroka bidang baharu bagi menjana pendapatan ahli-ahli termasuk seni gubahan bonsai.

Menurut Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbollah, skil gubahan bonsai yang dikongsi Prof. Ts. Dr. Mohd. Nazip Suratman dengan ahli-ahli PPK diharap dimanfaatkan untuk menjana ekonomi.

"Kebanyakan ahli PPK mempunyai banyak masa lapang dalam proses menunggu hasil sesuatu tanaman untuk dituai. Contohnya, tanaman cili merah dan sayur-sayuran.

"Sebaiknya aktiviti kreatif seperti menggubah bonsai dijadikan aktiviti yang mampu menjana hasil yang menguntungkan," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Teluk Panglima Garang baru-baru ini.

Akui Abdul Razak lagi, agak sukar untuk pihaknya mendapatkan seseorang yang mempunyai kemahiran gubahan bonsai, jadi kepakaran Mohd. Nazip memang diperlukan untuk membimbing penduduk atau orang ramai.

Abdul Razak juga meluahkan rasa terharu terhadap komitmen beliau dalam membantu ahli-ahli.

Abdul Razak berkata, pihaknya berharap ahli-ahli PPK Kuala Langat komited dalam mengikuti kelas gubahan seni bonsai yang diadakan Mohd. Nazip.

Katanya lagi, pihak PPHL juga boleh dijadikan platform untuk memasarkan pokok bonsai yang digubah oleh ahli-ahli PPK.

"PPHL sentiasa menyokong pemasaran hasil kreatif mahupun hasil pertanian semua ahli bagi memastikan mereka hidup selesa pada saat kenalkan kos hidup masa kini.

"Insyallah jika seni bonsai ini diceburi lebih ramai ahli, kita mampu menjadi pusat jualan pokok bonsai pada masa akan datang," katanya.

14/7/2022

UTUTSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

# 18 ikan 'kayangan' RM7,050 di Sungai Jelai

**LIPIS:** Pengurus restoran masakan tradisional Pahang, House of Patin Kuala Lumpur, Ahmad Daniar Ismail, 46, teruja memperoleh hasil tangkapan ikan bermilai tinggi iaitu patin buah dan jelawat di Sungai Jelai, berdekatan Kampung Kuala Medang di sini.

Sebanyak 14 ekor patin buah dan empat ekor jelawat dijala olehnya yang nilai pasaran kesemua ikan 'kayangan' itu berjumlah RM7,050.

Jumlah itu berdasarkan harga RM150 sekilogram untuk patin buah dan RM120 sekilogram ikan jelawat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahmad Daniar berkata, dia turun ke Sungai Jelai berdekatan kampung asalnya kira-kira pukul 7 pagi kelmarin untuk menjala ikan.

"Sebelum ini, saya pulang ke Kuala Medang untuk membeli ikan patin dan ikan liar Sungai



**AHMAD DANIAR** Ismail menunjukkan ikan patin dan jelawat hasil tangkapan di Sungai Jelai berdekatan Kampung Kuala Medang, Lipis, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Jelai daripada nelayan sungai pelanggan di Lembah Klang.

Untuk mengisi stok di Restoran House of Patin kerana sudah habis dimasak dan dijual kepada Sungai Jelai surut dan cuaca baik.

Tidak menghampakan apabila memperoleh 14 ekor patin buah dan empat ekor ikan jelawat kira-kira dua jam menaiki bot gentian kaca," katanya di sini.

Menurut Ahmad Daniar, dia bertuah apabila hanya dalam tempoh dua jam berjaya menjala ikan patin buah, malah ibarat sebagai 'bonus' memperoleh ikan jelawat, iaitu antara ikan 'kayangan' yang banyak terdapat di habitat Sungai Jelai di daerah ini.

Katanya, dia tidak menunggu lama untuk memperoleh tangkapan pertama apabila hampir 20 minit jala ditebar lalu diangkat naik ke atas bot terdapat dua ekor patin buah.

"Tangkapan patin buah dan jelawat ini disimpan serta dimasak di restoran House of Patin kerana masih ada lagi pelanggan terdiri daripada warga kota yang membuat tempahan," katanya.